

PERANAN PENGAMAL MEDIA DALAM PEMBENTUKAN KANDUNGAN MEDIA SEIMBANG DAN WASATIYYAH

The Role of Media Practitioners in the Formation of Balanced and Wasatiyyah Media Content

^aFauziah Hassan, ^bMasyitah Anuar Musaddad,

^cSofia Hayati Yusoff, ^dMuhamad Zaki Mustafa

^{a b c d} Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Corresponding email: fauziah.hassan@usim.edu.my

Abstrak

Peranan media masih dibincangkan secara relevan kerana ia menjadi medium utama dan penghubung dalam menyampaikan informasi, hiburan, berita dan lain-lain sama ada melalui gambar, teks, video, infografik dan sebagainya secara pantas. Kini, cabaran utama dilihat kepada kandungan media digital yang mendominasi selera masyarakat. Justeru, untuk mengekalkan keseimbangan kandungan media yang disiarkan, para penyelidik melihat perlunya kita kembali kepada pengamalan konsep manhaj wasatiyyah atau prinsip kesederhanaan Islam (moderation) agar setiap individu mempunyai kesedaran dan memahami secara tuntas apakah kandungan media yang patut disiarkan dan dipersembahkan kepada masyarakat di seluruh dunia. Perkara ini menjadi satu keperluan kerana wujudnya elemen-elemen negatif dalam penulisan, video, gambar dan sebagainya yang menjadi punca kepada perpecahan dan pergaduhan. Justeru, para penyelidik menemubual lapan orang pengamal media di Malaysia untuk melihat sejauhmana peranan mereka dalam membantu membentuk kandungan media yang seimbang. Hasil daripada temubual menunjukkan bahawa peranan mereka dengan memperkasa etika kerja Islam dapat membantu untuk memastikan setiap kandungan atau berita yang disampaikan mengikut etika yang betul. Selain itu, hasil temubual juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa kaedah untuk menghasilkan kandungan media yang wasatiyyah, adil dan seimbang untuk menjadi panduan kepada warganet, individu atau sesiapa sahaja yang ingin menyampaikan hiburan atau maklumat terutamanya apabila disebarakan melalui media sosial.

Kata Kunci: *Peranan pengamal media, manhaj wasatiyyah, kandungan media seimbang, media digital.*

Abstract

The role of media has been intensely debated among researchers because of its function in disseminating fast and quick information, broadcast, news, and others either via images, texts, videos, or infographics. At present, the domination of so-called digital media contents contributes to more colossal challenges of news diffusion. Hence, to promote the balance of media contents delivered either by conventional or digital media, researchers believe on the need to cultivate the principle of moderation in Islam (manhaj wasatiyyah). This will lead an individual who is able to obtain awareness and understanding on the right media contents that should be presented to the community. Thus, the researchers interviewed eight media practitioners in Malaysia to explore their role in helping to produce a balanced media content. The results of the interviews show that their role in empowering Islamic work ethic can help to ensure that every content or news presented is in accordance with ethics. In addition, the results of the interviews also show that there are several methods or techniques to produce good and balanced media content to guide citizens, individuals or anyone who wants to spread news, videos or information especially through social media.

Keywords: *the role of media practitioners, manhaj wasatiyyah, balanced media content, digital media*

PENDAHULUAN

Isu kandungan media digital yang dipelopori oleh aplikasi media sosial kini menjadi trend utama dalam perbincangan akademik, wacana ilmiah, bual bicara santai dan sebagainya oleh para akademik, penyelidik, pengamal media, individu berkepentingan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi kini, kandungan media sosial yang menjadi hangat dengan munculnya pelbagai aplikasi baharu seperti *TikTok*, *Vero*, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter*, *Pinterest*, *SnapChat*, *You Tube* dan sebagainya menjadikan platform ini sebagai medium untuk popular dan cepat untuk menghasilkan dan menyebarkan kandungan yang interaktif. Menurut laman sesawang *statista.com*, *Facebook* mencatat tempat tertinggi (data setakat Julai 2020) dengan memiliki 2603, 000, 000 pemilik yang aktif di seluruh dunia. Ini diikuti dengan *You Tube* dan *WhatsApp* yang mana masing-masing memiliki 2000,000,000 pengguna yang aktif (<https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>). Mengambil contoh lain ialah minat yang tinggi terhadap penggunaan media sosial seperti Instagram diuraikan oleh *spark.com* yang menyatakan bahawa Instagram telah menjadi salah satu platform media sosial yang paling popular untuk remaja dan dewasa muda, terutama di Amerika Syarikat.

Walaupun di satu aspek yang lain, ledakan platform media sosial ini memberikan satu penjenamaan baharu dan peluang untuk menarik berjuta-juta khalayak namun, terdapat juga cabaran yang semakin meningkat mengenai bagaimana untuk memastikan masyarakat menghasilkan dan menyebarkan mesej, gambar, video dan sebagainya dengan penuh etika. Seperti contoh, dalam portal rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada 14 Julai 2015 melaporkan bahawa pihak MCMC memantau pengguna media sosial yang menyebarkan kandungan bersifat menghasut, memprovokasi kepada berlakunya ketidaktenteraman awam yang akan menyebabkan pengguna media sosial boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Selain itu, MCMC juga mengambil tindakan kepada mereka yang menyebarkan maklumat dan berita palsu.

Namun, dalam membincangkan dan mengaitkan topik keseimbangan penulisan atau pelaporan yang adil dan seimbang melalui kandungan media digital pastinya mempunyai cabaran dan potensi tersendiri. Antara cabaran lain yang dikenalpasti adalah kandungan media yang disebarkan melalui media luar seperti media asing yang pastinya mempunyai agenda tersendiri terutama apabila ia berkaitan dengan isu Islam dan umat Islam. Oleh itu, inilah yang menjadi topik utama yang akan dibincangkan di dalam artikel ini untuk memastikan kandungan media memiliki penulisan atau pelaporan yang adil dan seimbang. Beberapa penyelidik telah memberi penekanan ke atas pengajian media-agama kontemporari di mana cadangan penggabungan kerangka analitikal dan teori media yang membawa kepada pendekatan lebih fleksibel ke atas penyelidikan berkaitan kandungan media agama telah ditekankan. Antara penekanan yang diberikan ialah mengenai kesan pencegahan terrorisme kandungan media digital dalam tradisi agama kontemporari (Abusharif, 2020). Ini menunjukkan kandungan media digital hari ini perlu kepada rombakan kaedah penulisan berita agar ianya mampu menyediakan bentuk berita yang lebih tepat, benar dan tidak berat sebelah terutama apabila kandungan berita tersebut berkisar Islam dan Muslim.

Artikel ini membincangkan dengan lebih lanjut tentang apakah cabaran yang dihadapi oleh pengamal media di Malaysia dalam usaha untuk memperkasakan prinsip etika kerja Islam sebagai seorang wartawan terutamanya apabila berada dalam era kecanggihan media dan teknologi. Hal ini kerana, untuk menghasilkan penulisan dan pelaporan yang adil dan seimbang adalah menjadi tugas sebagai pengamal media. Selain itu, kajian ini juga meneroka idea baharu pengamal media untuk melihat

bagaimanakah kaedah yang terbaik untuk menghasilkan penulisan atau pelaporan yang baik, adil dan seimbang.

DAKWAH DIGITAL MENERUSI KANDUNGAN MEDIA

Aktiviti berdakwah bukanlah tugas mereka yang bergelar ustaz semata-mata tetapi merupakan tanggungjawab setiap Muslim. Tidak terkecuali para pengamal media yang saban hari menyampaikan berita mengenai Islam dan Muslim. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui perancangan yang sistematik dan pengurusan aktiviti dakwah yang sejajar dengan perintah Allah SWT iaitu mengajak kepada keharmonian. Menurut Badlisham (2012), dakwah ialah sebahagian daripada Islam dan tidak boleh dipisahkan antara keduanya. Tanggungjawab menyebarkan mesej Islam itu terletak di bahu setiap yang bergelar Muslim sebagaimana tertulis di dalam kitab suci Al-Quran, Surah Ali-Imran, 3:104,

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Menurut Noor Azaian et al. (2017) dakwah adalah satu kegiatan yang menyeru kepada penerimaan dan penghayatan nilai-nilai Islam. Namun, perbezaannya adalah pelaksanaan aktiviti dakwah tersebut. Menurut Najidah (n.d), pelaksanaan kerja dakwah ini perlu menggunakan metod dakwah yang mengikut peredaran zaman dan sesuai untuk dilaksanakan. Tugas dakwah pada zaman nabi misalannya tidak sama dengan zaman kontemporari. Ini kerana pada zaman para nabi, dakwah disampaikan melalui utusan, surat, perbincangan, ceramah dan sebagainya. Menurut Azami (1994) dalam Noor Azaian et al. (2017) kaedah penyampaian dakwah pada zaman sahabat adalah melalui aktiviti penulisan sebagai alat sebaran. Seperti contoh Abu Umamah al-Bahili, Abu Ayyub al-Ansari dan Abu Bakar al-Siddiq sendiri adalah antara para penulis hadis Nabi yang menyumbang kepada penyebaran dakwah pada zaman itu. Begitu juga pada zaman Khilafah Islamiyah, Abu Bakrah al-Thaqafi, Abu Rafi“, Abu Said al-Khudri, Abu Musa al-Asy“ari, Abu Hurairah dan sebagainya juga adalah penulis. Perbezaan gaya penyampaian dakwah ini tidak menjamin metod mana lebih baik dan berkesan akan tetapi kerana meraikan perbezaan jiwa, keadaan, individu dan tempat yang berubah dengan peredaran zaman. Hal ini selari dengan Noradilah et al. (2019) yang menyatakan bahawa kegiatan dakwah mempunyai asas-asas yang tertentu seperti menggunakan kaedah penyampaian yang menarik dan berhikmah. Hal ini kerana, metod yang sesuai adalah penting untuk memastikan mesej yang disampaikan diterima baik oleh golongan sasaran.

Dalam melaksanakan aktiviti berdakwah, transformasi telah berlaku terutama di era norma baharu seiring dengan kecanggihan media dan teknologi. Noor Azaian et al. (2017) menyatakan bahawa dengan adanya kemajuan teknologi masa kini, ia membantu kegiatan berdakwah direalisasikan sesuai dengan saranan Al-Quran yang menyeru agar dakwah islamiah disebarkan dengan hikmah dan teratur. Aktiviti dakwah secara konvensional biasanya dilakukan di masjid atau premis tertentu seperti pusat Islam. Cara ini tidak mampu menarik jumlah khalayak yang besar terutama dalam kalangan orang muda yang lebih gemar menghabiskan masa bersama media sosial. Pengaruh hebat teknologi komunikasi seperti media sosial mampu mencatat jumlah khalayak yang besar dan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada dakwah Islam. Media sosial memberi peluang kepada setiap Muslim untuk berkongsi rasa berkaitan akidah, kepercayaan dan nilai yang mereka miliki hanya di hujung jari

(Zulkipli, 2019). Senario ini juga memberi impak tertentu kepada aktiviti dakwah dan ia juga memberi kesan kepada kandungan media berkaitan Islam dan Muslim yang dikongsi oleh pengamal media. Menurut Azad (2017), semua ini memberi kesan kepada sejauh mana tanggapan terhadap Islam dan Muslim dalam suasana landskap media sosial yang meluas. Begitu juga bagaimana kandungan berita berkaitan Islam dan Muslim dapat dibentuk secara tepat dan harmoni dalam dunia digital.

Selain itu, istilah tekno-da'i yang diperkenalkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah mula digunapakai sejak tahun 1999. IKIM menggariskan bahawa istilah tekno-da'i ialah golongan pendakwah yang menggunakan seni, kaedah atau kemahiran tertentu untuk menyampaikan risalah Islam. Seni, kaedah atau kemahiran ini boleh merujuk kepada kepada pelbagai perkara termasuklah penggunaan teknologi, aplikasi, perisian dan perkakasan moden dalam kerja-kerja dakwah.

Namun, dalam membincangkan dan mengaitkan topik kandungan dakwah dalam media digital atau melalui media sosial, Noor Azaian et al. (2017) menyatakan bahawa ia pasti terdapat cabaran dan potensi terutama untuk berdakwah menggunakan media baharu. Hal ini kerana, landskap aktiviti berdakwah turut berubah seiring dengan kemajuan teknologi. Penggunaan media sosial atau media digital untuk menyampaikan dakwah perlu mengambilkira kepada media yang digunakan oleh khalayak dan pendakwah itu sendiri perlu memastikan bahawa mesej dakwah tersebut diterima dan dapat membantu perkembangan Islam itu sendiri.

Hasil daripada kepesatan teknologi komunikasi maklumat pada hari ini, Faradillah (2014) mengupas bahawa kewujudan pelbagai platform media sosial hari ini memudahkan kerja pendakwah untuk menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan, interaktif dan memberi impak yang positif. Menurutnya lagi, media sosial yang menjadi trend dan tumpuan pada hari ini ialah *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Whatsapp*, *TikTok* dan banyak lagi. Menurut statistik MCMC pada 2017, pengguna aplikasi media sosial semakin meningkat. Seperti contoh terdapat lebih 2 bilion pengguna *Facebook* dan lebih 328 juta pengguna *Twitter* di seluruh negara. Selain mempunyai pelbagai fungsi, populariti platform media sosial ini menjadi nilai tambah dalam dunia dakwah apabila pendakwah kini dapat menyampaikan dakwah dengan lebih kreatif dan efektif. Ini kerana dakwah dapat disampaikan secara meluas kepada umat Islam dan juga masyarakat bukan Islam. Ruang lingkup dakwah dapat diperluaskan dengan memuatnaik video infografik, membuat siaran langsung pengajian dan ceramah agama, memuatnaik penulisan ilmiah, rakaman pengajian dan sebagainya. Oleh yang demikian, lebih ramai pendakwah yang menggunakan platform media sosial diperlukan bagi menjalankan tugas dakwah ini. Keperluan terhadap pendakwah yang mempunyai akaun media sosial perlu diutamakan bagi mengelakkan daripada munculnya pendakwah jadian. Ini kerana kebebasan menyuarakan pendapat di media sosial dibimbangi mengganggu tugas dakwah jika tiada pendakwah yang sebenar memantau di media sosial.

DEFINISI KONSEP MANHAJ WASATIYYAH

Istilah wasatiyyah semakin kerap diketengahkan dalam masyarakat yang memberi penekanan kepada cara kehidupan yang berlandaskan Al-Quran, Rasulullah SAW dan para sahabat. Menurut Faisal (2018) menyatakan bahawa wasatiyyah mempunyai elemen pertengahan kerana perkataan wasatiyyah juga ada kaitan dengan perkataan wasat. Ia membawa maksud pertengahan antara dua perkara yang boleh diterjemahkan sebagai al-I'tidal. Konsep pertengahan boleh disamakan dengan konsep bersederhana tetapi ia tidak wujud dalam beragama kerana seorang Muslim perlu mencari yang terbaik dalam beragama. Manakala manhaj pula merupakan sebuah metodologi di mana sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip digunakan dalam sesuatu kegiatan demi mencapai

matlamat. Wasatiyyah merupakan sebuah sistem yang digunapakai dalam seluruh aspek kehidupan merangkumi sosiabudaya, ekonomi, dakwah, komunikasi dan intelektual.

Islam ialah agama wasatiyyah. Allah SWT berkehendak menjadikan wasatiyyah sebagai anugerah Tuhan, bukan sesuatu yang boleh dipilih oleh umat yang beriman dengan agama ini. Wasatiyyah turut disebut di dalam al-Quran. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

Selain itu, menurut Imam al-Baghawi (510 H) menukilkan di dalam tafsirnya daripada al-Kalbi bahawa maksud “umat pertengahan” adalah ahli atau pengikut agama yang adil di antara berlebih-lebihan (melampau) dalam beribadah dan longgar dalam menjalankan syariat agama yang mana kedua sifat ini amat adalah dicela di dalam agama. Dalam perbincangan kali ini, penyelidik ingin menerapkan konsep wasatiyyah atau kesederhanaan dalam membentuk pelaporan media atau penulisan yang lebih adil dan seimbang. Menurut Faisal (2018), keseimbangan adalah mencari yang terbaik dan meletakkan sesuatu itu pada haknya.

Ramai yang menyangka bahawa pengamal media tidak tertakluk dengan dasar wasatiyyah. Hakikatnya, wasatiyyah berkait rapat dengan penghasilan pelaporan kandungan media yang seimbang. Perkembangan teknologi telah membawa satu fenomena baharu terutama dalam kandungan media digital. Kini, media arus perdana seperti platform televisyen, radio dan akhbar turut menggunakan platform media sosial sebagai salah satu cara untuk menyebarkan kandungan yang interaktif dan lebih meluas kepada masyarakat. Namun, apa yang membimbangkan menurut Agil (2018) ialah pengamal media kini lebih gemar mencari publisiti dengan menyiarkan berita-berita yang kontroversi dengan tajuk serta kandungan berita yang mengelirukan sehingga boleh mencetuskan perbalahan oleh warganet.

Dalam hal ini, bagaimana untuk mendidik dan menggalakkan pengamal media, wartawan atau mana-mana individu seperti *instafamous* atau *influencer* untuk menerapkan konsep wasatiyyah dalam kandungan media yang ingin disebar? Menurut Kamal (2011) konsep wasatiyyah ini merangkumi keadilan, kebaikan, toleransi, kerjasama, menghargai persamaan, menerima kepelbagaian budaya atau etnik dan sikap yang optimis. Sifat-sifat ini dilihat penting dan sewajarnya diamalkan oleh semua pengamal media tidak kira dari media arus perdana atau alternatif.

Menurut Agil (2018), penggunaan perkataan yang baik, kandungan yang seimbang, tajuk yang tidak mengelirukan dan isu yang tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak sebenarnya bertepatan dengan manhaj wasatiyyah. Penyelidik melihat bahawa pembawaan wasatiyyah dalam kandungan media lebih berkesan dalam menyampaikan maklumat di samping membina kepercayaan serta mendapat penghormatan dan penghargaan daripada masyarakat terutamanya warganet yang menggunakan media sosial sebagai platform utama untuk mendapatkan maklumat tentang isu semasa.

Hari ini, usaha melahirkan pengamal media yang tunduk dan patuh terhadap ajaran Islam dilihat agak sukar kerana sesetengah pengamal media dikatakan sengaja mencetuskan kontroversi demi publisiti murahan. Sebagai contoh, Aminuddin (2020) menyatakan ada sebuah syarikat media pro barat yang berpangkalan di timur tengah baru-baru ini sengaja menimbulkan kemarahan masyarakat terutamanya rakyat Malaysia apabila sengaja memilih topik perbincangan yang sensitif dan kandungan media yang

dilihat sangat tidak seimbang. Selain itu, Zikri (2017) juga menyatakan ada beberapa tajuk akhbar tempatan juga pernah dikritik warganet di media sosial kerana tajuk yang digunakan menyalahi isi kandungan berita. Perkara-perkara yang menyalahi etika kewartawanan seperti ini tidak harus dipandang enteng kerana ia akan meninggalkan kesan negatif dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi anak muda yang merupakan masa depan negara.

Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik mendapati etika kewartawanan wajar yang diletakkan sejajar dengan konsep wasatiyyah yang diajar oleh agama. Penekanan dalam menghayati prinsip-prinsip wasatiyyah dalam pengamal media diyakini mampu menjadi anjakan paradigma dalam bidang media dan komunikasi. Pelaporan kandungan media yang seimbang juga lebih mudah dicapai sekiranya mengambil pendekatan wasatiyyah sebagai asas.

Dalam usaha untuk mendidik dan menggalakkan penulisan yang adil dan seimbang, Khadafi (2016) telah menggariskan lapan inisiatif untuk melahirkan penulisan yang beretika seperti:

- a) melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar;
- b) menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritik yang saksama;
- c) menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar/filem dan dokumen;
- d) Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar hendaklah diperbetulkan;
- e) menghormati kerahsiaan sumber berita;
- f) berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagiarisme dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun;
- g) menghindari siaran berita rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia;
- h) memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka.

Tuntasnya, Islam datang untuk memperkenalkan wasatiyyah dalam semua perkara bagi menjamin kebaikan dan kemaslahatan umat manusia. Syariat Islam memperkenalkan wasatiyyah dalam agama dengan mencela ekstremisme dan berlebih-lebih dalam sesuatu. Namun, Islam juga tidak membenarkan kelonggaran yang keterlaluan sehingga membenarkan agama dipijak dan dihina. Wasatiyyah yang dianjurkan ini adalah untuk mencari yang terbaik mengikut zaman, keadaan dan kemampuan seseorang. Begitu juga aplikasi wasatiyyah dalam kandungan media adalah dengan mematuhi etika kewartawanan yang telah digariskan serta selari dengan kehendak syariat. Setiap perbuatan yang dilakukan selari dengan kehendak syariat adalah ibadah.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimana seseorang pengamal media boleh menerapkan etika kerja Islam dalam melaksanakan tugas mereka sebagai seorang wartawan?
2. Bagaimana seseorang pengamal media menulis pelaporan yang wasatiyyah, adil dan seimbang dan apakah kaedah yang diterapkan untuk menulis berita?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk melihat pendekatan pengamal media memperkasakan etika kerja Islam sebagai seorang pengamal media; dan
2. Untuk mengenal pasti kaedah pengamal media mewujudkan pelaporan/penulisan berita yang wasatiyyah, adil dan seimbang.

KAEDAH METODOLOGI KAJIAN

Persoalan dan objektif kajian ini direalisasikan dengan menjalankan kaedah temubual mendalam bersama dengan lapan pengamal media Malaysia iaitu Bernama, TV AlHijrah, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Harian Metro dan Berita Harian. Temubual dilakukan oleh penyelidik antara Mac 2020 hingga Julai 2020 melalui telefon dan biasanya berlangsung dalam masa satu jam. Untuk kajian ini, temubual separa berstruktur adalah lebih sesuai untuk meninjau pandangan mereka mengenai pemerksaan etika kerja Islam sebagai seorang wartawan dan juga untuk mengenal pasti kaedah penulisan berita yang seimbang dan adil. Selain itu, mereka juga ditanya tentang makna sebenar wartawan Muslim dan bagaimana mempraktikkannya. Semua temubual direkodkan, ditranskrip, dikod dan dikategorikan untuk menjawab dua objektif kajian yang dinyatakan. Dalam melakukan pengkodan, penyelidik menggunakan pengkodan induktif yang memerlukan penyelidik membaca dan mentafsirkan data mentah untuk mengembangkan konsep, tema atau model berdasarkan tafsiran data (Joffe & Yardley, 2003).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Etika Kerja Islam Sebagai Seorang Pengamal Media

Di dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam seseorang pengamal media perlulah berlandaskan etika kerja yang menurut prinsip Islam. Maklumat yang disampaikan perlulah benar seperti disarankan dalam ajaran Islam, masyarakat akan lebih ramai mengikut maklumat di media jika mereka yakin dan percaya dengan maklumat yang disalurkan. Media dalam Islam berputar di sekitar individu dan masyarakat. Ia bertujuan untuk membina individu dan masyarakat, Ummah, dalam prinsip dan ajaran Islam. Komunikasi dan adalah amalan yang bertujuan untuk mencapai kepentingan semua (Zaki et al. 2020).

Berdasarkan temubual bersama Informan 1, penilaian individu adalah faktor penting dalam penentuan sesuatu berita itu mengikut etika Islam atau tidak. Beliau juga menyatakan pentingnya wartawan beragama Islam mempunyai asas agama yang baik, besederhana dan tahu untuk merujuk kepada siapa jika ada masalah berkaitan dengan Islam sebelum sampaikan kepada pembaca. Selain itu, sebagai seorang pengamal media, mereka perlu tahu untuk mengaitkan penulisan yang dihasilkan dengan ilmu Islam contohnya apabila perlu menulis berkaitan isu seperti zakat, haji atau Tabung Haji.

Ada sesetengah wartawan yang malas untuk mengkaji sesuatu isu dan menafsir sendiri, tulis apa yang dia sendiri faham tanpa merujuk kepada sesiapa sedangkan setiap negeri ada mufti, ustaz-ustaz yang boleh dirujuk. Disebabkan juga wartawan itu merasa diri sudah pandai dan malas untuk merujuk dengan menyampaikan maklumat yang salah kepada pembaca-pembaca. Sebagai wartawan Islam, sentiasa menuliskan tentang isu-isu Islam jadi perlu tahu siapa yang dirujuk, pastikan penulisan tidak silap, tidak disalahfahamkan oleh pembaca supaya tidak menimbulkan konflik. Lebih-lebih lagi zaman viral ketika ini (*Informan 1*).

Seorang wartawan itu mestilah mempunyai pengetahuan berkenaan mengenai ilmu Islam jika ingin melaporkan berita berkenaan Islam (*Informan 7*)

Apa yang dapat difahami di sini adalah, perlunya seorang wartawan atau pengamal media mempunyai pengetahuan yang luas dan memahami dengan baik sesuatu isu yang ingin dilaporkan. Ini adalah kerana mereka perlu melaporkan dan menyebarkan kepada khalayak. Selain itu, editor juga harus memahami dengan baik mengenai isu ini terutamanya undang-undang atau bid'ah dan ada membuat rujukan bersama pakar. Ini kerana untuk mengelakkan kesalahan maklumat dalam menyampaikan maklumat dan keutamaan mempunyai ilmu berkaitan dalam kalangan wartawan adalah penting.

Kenyataan ini disokong oleh Informan 2 dan 8 yang menyatakan bahawa;

Pentingnya wartawan beragama Islam mempunyai asas agama yang baik, bersederhana dan tahu untuk merujuk kepada siapa jika ada masalah berkaitan dengan Islam sebelum sampaikan kepada pembaca. Selain itu beliau juga menyatakan wartawan mestilah jujur dan betul di dalam penulisan. Itu merupakan etika seorang wartawan untuk dapatkan berita yang benar dan betul. Itulah ciri-ciri seorang wartawan Islam. Ia dipanggil sebagai *Ethics of Journalists*. Yang penting perlu ikut Islam. Jujur dan amanah (*Informan 2*).

Kerja atau tugas adalah merupakan satu amanah. Penulisan berita yang dikeluarkan adalah satu tanggungjawab. Hasil daripada berita apabila masyarakat membaca, menonton dan masyarakat faham tentang sesuatu berita ia adalah merupakan satu kejayaan. Jadi saya rangkumkan ketiga-tiga ini perlu seseorang kepada seorang wartawan sama ada Islam atau pun bukan Islam. Ini kerana kita adalah satu kelompok yang punya rasa tanggungjawab dan etika yang yang perlu kita faham yang perlu kita turuti (*Informan 8*).

Namun, dengan adanya kemajuan dan perkembangan dalam media dan teknologi, peranan wartawan menjadi semakin mencabar. Ini kerana selain menulis atau menyediakan laporan, pengamal media atau wartawan perlu untuk menyokong kegiatan dakwah yang disebarkan melalui media. Selain itu, antara ciri-ciri seorang pengamal media yang mengamalkan etika kerja Islam adalah dengan membuat pelaporan yang benar dan tidak berat sebelah.

Sebagai seorang wartawan, mereka harus mempunyai niat baik ketika membuat laporan. Katakanlah anda membawa imej Islam itu, anda perlu mempunyai ciri-ciri seorang Islam. Oleh itu, laporan kita mestilah benar, tidak berat sebelah dan tidak cuba untuk mengambil keuntungan kepada orang lain, begitu seimbang, dan perlu memastikan semua laporan itu mesti ada butirannya. Saya bersetuju bahawa wartawan Islam harus mempunyai niat baik ketika melapor sesuatu (*Informan 5 dan 6*).

Kesimpulan di sini dalam memperkasakan etika kerja Islam sebagai seorang pengamal media kita mestilah jujur dan amanah dalam menyampaikan sesuatu berita itu. Pengamal media mestilah tidak berat sebelah di dalam menyampaikan berita selain itu pengamal media perlu mempunyai ilmu pengetahuan dalam agama Islam, dan jika tidak mempunyai pengetahuan berkenaan sesuatu berita atau perkara berkenaan agama Islam hendaklah merujuk kepada pihak yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkenaan perkara tersebut. Semua perkara diatas ini amatlah bergantung kepada amanah serta tanggungjawab sendiri pengamal media itu sendiri dalam mempraktikkan etika kerja Islam.

Kaedah Penulisan Berita yang Wasatiyyah, Adil dan Seimbang

Ruang penulisan dan penyebaran maklumat kini menjadi lebih pantas dengan kehadiran media sosial yang mana ia kini menjadi platform utama untuk berkomunikasi. Namun, apa yang perlu dilihat kini adalah bagaimana untuk memastikan penulisan atau pelaporan yang dihasilkan mempunyai keseimbangan, adil dan wasatiyyah. Menurut Informan 5, cabaran utama adalah untuk memastikan proses semakan untuk berlaku. Ini kerana apa sahaja yang disebar atau disampaikan melalui media sosial tidak melalui proses semakan. Hal ini menyebabkan apa sahaja kandungan boleh disebar oleh sesiapa sahaja.

Kalau sesuatu bahan disiarkan di laman berita atau sebagainya, ia akan melalui *process refining*. Akan ada proses editorial. Dalam sosial media tiada. Ia sangat memberi kesan. (Informan 5)

Dalam hal ini, Informan 1 menambah bahawa untuk menghasilkan penulisan yang baik dan seimbang adalah perlunya kepada pengaplikasian prinsip-prinsip dalam kewartawanan yang menekankan kepada penggunaan konsep 5W1H untuk memastikan penulisan tidak berat sebelah dan mempunyai objektif sama ada laporan berkaitan isu agama, ekonomi, jenayah, isu sosial dan sebagainya.

Selain daripada konsep 5W1H, pematuhan kepada etika atau house-style setiap organisasi juga memainkan peranan. Ini kerana setiap organisasi media mempunyai cara dan kaedah yang tersendiri juga. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh Informan 8:

Jadi ini yang perlu kita faham dan kebanyakan dari media tempatan khususnya dari media kerajaan RTM, Bernama, Jabatan Penerangan. Kami bukan sahaja perlu melaporkan dengan penuh rasa tanggungjawab tapi etika-etika media kerajaan itu perlu kami patuhi sebelum satu-satu berita itu kita keluarkan (Informan 8).

Ini disokong oleh Informan 4;

Cara penulisan bergantung kepada gerak kerja stesen itu sendiri dan kepada siapa ia dilaporkan. Di rtm, yang paling utama adalah fakta, tepat dan baru boleh dilaporkan. Kerana diibaratkan sebagai lidah rasmi kerajaan (Informan 4).

Selain itu, kaedah lain untuk menghasilkan penulisan yang baik dan seimbang ini adalah perlunya merujuk kepada sumber-sumber yang sah seperti pakar dan juga kepada laporan terdahulu yang dihasilkan. Hal ini dinyatakan oleh Informan 3 yang menyarankan agar sebelum menghasilkan sesuatu penulisan atau pelaporan, setiap pengamal media perlu merujuk kepada sumber yang sahih dan kajian ilmiah yang berkaitan.

Jadi, persediaan saya adalah selain merujuk sumber-sumber yang sah, sebelum menyediakan laporan-laporan yang membabitkan isu-isu global, saya akan melakukan kajian ilmiah terlebih dahulu. Contohnya, merujuk kepada laporan-laporan sebelum ini yang mempunyai kaitan atau laporan ilmiah yang telah diterbitkan. Ataupun kita merujuk kepada pakar-pakar yang berkaitan seperti mengenai isu pemanasan global, isu membabitkan islamophobia. Dari situ laporan kita berasas (Informan 3).

Kaedah lain yang disarankan menerusi temubual yang dijalankan ialah dengan melakukan kajian dan memahami isu yang ingin disampaikan kepada khalayak. Oleh itu, penting di sini untuk seseorang pengamal media memahami berita yang ingin disampaikan atau ditulis dalam pelbagai konteks.

Jadi sebelum satu laporan itu disediakan kita akan buat persediaan dari sudut research, kita kenal pasti siapa yang perlu kita rujuk siapa yang perlu kita temubual dari sumber mana yang perlu kita dapatkan supaya berita-berita yang kita keluarkan itu berita-berita yang punya kredibiliti berita-berita yang punya kesahihan dan sesuai dengan moto RTM sendiri yang sah dari RTM (*Informan 8*).

Hal ini selari dengan Informan 6 yang menyatakan bahawa sekiranya perlu untuk menulis mengenai laporan berkaitan berita antarabangsa, beliau akan melihat dan mencari sumber berita rasmi seperti melalui portal berita rasmi sesuatu negara tersebut. Selain itu, beliau juga merujuk kepada pakar untuk mendapatkan input yang berfakta. Informan ini memberi contoh sekiranya beliau diperlukan untuk menghasilkan laporan berkaitan Syria.

Cabaran untuk isu Islam dalam Malaysia, kami mahu mencari seseorang yang mahir tentang Syria. Pakar Antarabangsa. Mereka meliputi seluruh dunia tetapi pengetahuan mereka hanyalah umum. Kami perlukan seseorang yang sangat memahami dan mahir apa yang berlaku di Syria, jadi mereka boleh menerangkan kepada penerima untuk memahami isu tersebut. Dan bagaimana kami respon, untuk itu, kerana maklumat tidak seberapa. Jadi, kami cuba untuk menulis apa yang kami dapat, kerana kami tidak mahu penerima salah faham tentang maklumat yang salah dan kami melakukan beberapa kajian tentang perkara tersebut (*Informan 6*).

Informan 7 pula menyatakan bahawa kaedah untuk menghasilkan penulisan berita yang seimbang dan adil terutamanya berkenaan isu di luar negara adalah dengan tidak mengambil bulat-bulat apa sahaja yang disiarkan oleh portal media antarabangsa. Oleh itu, beliau memaklumkan bahawa organisasi beliau memastikan bahawa setiap penulisan atau pelaporan berkaitan isu antarabangsa yang dihasilkan perlu diolah mengikut house-style TV Alhijrah itu sendiri kerana kita sebagai wartawan islam perlu mengelakkan daripada mengalakkan stereotaip orang bukan islam terhadap pemilihan kandungan berita dan tajuk utamanya. Selain itu, beliau juga turut merujuk portal Channel News Asia dan Arab News yang lebih terperinci dalam mengulas isu global.

Pada masa yang sama, wartawan dan editor perlu berhati-hati dan berwaspada dalam pemilihan sesuatu 'angle' atau topik utama berita kerana di TV Al-Hijrah mereka menyebelahi dan mempertahankan hak orang Islam dan agama Islam. Hal ini adalah kerana agensi media luar negara dan portal berita antarabangsa terlalu stereotaip kepada orang Islam dan agama Islam, contohnya Reuters, mereka menyebelahi negara Israel yang banyak melakukan kezaliman terhadap orang Islam (*Informan 7*).

Antara cabaran lain yang dinyatakan dalam menghasilkan penulisan yang seimbang turut dinyatakan oleh Informan 7 seperti di bawah:

Dalam mengulas isu global, wartawan sememangnya mempunyai hak kebebasan bersuara tetapi itu bukan kredit supaya mereka lantang menyuarakan apa sahaja isu yang berlaku. Itulah cabaran utama wartawan kerana dalam menyuarakan pendapat, mereka perlu menjaga sensitiviti perkauman negara lain untuk memelihara hubungan diplomatik yang telah terjalin antara Malaysia dan negara diplomatik. Sebagai contoh, negara kita perlu memelihara hubungan diplomatik dengan negara China jadi kita tidak boleh mengeruhkan keadaan dengan membangkitkan isu etnik Uyghur di China. Mengkritik melalui penulisan

sememangnya seronok tetapi kita perlu menghadkan isi supaya dapat mengelakkan hubungan diplomatik negara terjejas (*Informan 7*).

Hal yang sama juga turut diulas oleh Informan 8 yang menyatakan bahawa sensitiviti berkenaan pelaporan yang merujuk kepada isu global perlu diperhalusi dengan sebaiknya. Ini kerana kandungan media yang adil dan seimbang boleh mewujudkan suasana yang harmoni.

Kalau kita di media tempatan kita punya pelbagai etika yang perlu kita turuti sebelum satu-satu berita itu kita keluarkan apatah lagi kalau ia berkait dengan isu-isu yang sensitive kepada masyarakat. Kita faham bahawa masyarakat negara kita adalah masyarakat yang punya pelbagai Bahasa, bangsa etnik dan juga agama. Jadi, laporan-laporan yang kita berikan bukan sahaja jujur tetapi kita kena pastikan bahawa laporan itu tidak akan menyinggung sensitiviti masyarakat apatah lagi boleh memecahbelahkan masyarakat. Kalau dilihat melalui laporan-laporan media asing mereka tidak terikat kepada etik-etika sebagaimana kita di media tempatan (*Informan 8*).

Berdasarkan temubual bersama pengamal media, terdapat beberapa perkara yang perlu diambilkira untuk menghasilkan penulisan yang wasatiyyah, adil dan seimbang. Antaranya adalah perlu kepada proses semakan setiap pelaporan yang ingin disampaikan atau disebarkan. Malahan, ia perlu mengikut prinsip-prinsip kewartawanan seperti tidak berat sebelah dan bersikap objektif. Bagi mengelak berlakunya penulisan berita yang bias, pengamal media tersebut perlu merujuk kepada pakar terhadap sesuatu isu dan tidak mengambil secara terus apa sahaja yang dihidangkan oleh portal media antarabangsa dan juga menjaga sensitiviti terutama berita yang berkaitan Islam dan umat Islam.

KESIMPULAN

Justeru, menyampaikan berita yang sahih berkaitan Islam dan Muslim melalui platform media digital adalah sangat penting kerana kapasiti teknologi ini untuk menembusi khalayak yang jauh lebih besar jumlahnya. Malah, ianya lebih signifikan apabila kandungan media tersebut disebarkan melalui media sosial kerana ia sangat mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat (Adam, Ali, Mohamed Anuar, & Engku Ali, 2015). Oleh itu, pengamal media bertanggungjawab untuk menyampaikan hanya yang benar dan sahih manakala pengguna media sosial pula bertanggungjawab untuk menyebarkan semula kandungan berita yang benar-benar diyakini kesahihannya melalui sumber berita yang dipercayai. Persoalannya, sejauh manakah kandungan berita yang disampaikan melalui media digital ini dapat dikategorikan sebagai amalan berdakwah apabila penulisan kandungan berita itu sendiri diragui kerana tidak berlandaskan satu kaedah atau formula yang telus dan beretika?

Oleh itu, Mokhtar, Abdul Halim & Jasmi (2019) mencadangkan kaedah pembelajaran dan pengajaran penggunaan media sosial yang lebih beretika dan sistematik kepada pelajar dalam bidang agama. Pendedahan penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Youtube*, *Instagram* dan banyak lagi haruslah dititikberatkan selari dengan penggunaan yang lebih beretika bagi menghasilkan golongan pengguna media sosial yang jujur dalam menyampaikan ataupun menyebarkan kandungan berita terutama berita berkaitan Islam dan Muslim. Ternyata, isu kandungan berita Islam dan Muslim yang sahih dalam era media digital menjadi perbincangan hangat dalam kalangan pakar dan penyelidik kerana kemampuan menghasilkan berita yang tepat dan benar melalui kaedah penulisan yang terbaik akan menjadikan seseorang pengamal media itu berperanan juga sebagai seorang pendakwah. Tetapi, kegagalan seseorang pengamal media tersebut menghasilkan penulisan berita berkaitan Islam dan Muslim yang diyakini kesahihannya mampu merosakkan amalan beragama pengamal media tersebut.

PENGHARGAAN

Dana penyelidikan ini telah diperolehi dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Geran Jangka Pendek (Short Grant) kod: PPPI/FKP/0217/05100/10918

RUJUKAN

Al-Quran

- Azami M.M. 1994. *Dirasat al-Hadits al-Nabawi wa al-Tarikh Tadwinih*. Terj.H. Ali Mustafa Yaqub. Hadis Nabawi dan Sejarah Kodifikasinya. Jakarta: PT Pustaka Firdaus.
- Abusharif, I. N. (2020). Researching digital media and Islam in Africa: Recommending a framework. In Ngom, F., Kurfi, M. H., Falola, T. (eds). *The Palgrave Handbook of Islam in Africa*. Palgrave Macmillan, Cham. DOI: 10.1007/978-3-030-45759-4_32.
- Adam, F., Ali, A. H., Mohamed Anuar, M., & Engku Ali, E. M. T. (2015). Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. *Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 9(Januari 2015), 12–23.
- Al-Sallabi, Muhammad Ali. (2001). *al-Wasatiyyah fi al-Quran al-Karim*. Al-Shariqah, Al-Imarat: Maktabah al-Sahabah.
- Aminuddin Yahya. (2020). Video Al-Jazeera Fitnah Malaysia : Dalangnya Mungkin Orang Tempatan. ISMA.
- Azad, H. (2017). Thinking about Islam, politics and Muslim identity in a digital age. *Journal of Islamic and Muslim Studies*. 2 (2): 122 – 134.
- Badlihisam, M. N. (2012). Islam dan dakwah dalam zaman kebangkitan awal Islam dan era penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Jurnal Islamiyyat*. 34: 5-12.
- Dr Syed Agil Al-Sagoff. (2018). *Integriti Penyebaran Maklumat*. Universiti Putra Malaysia.
- Joffe, H., & Yardley, L. (2003). Content and thematic analysis. In D. Marks & L. Yardley (Eds.), *Research methods for clinical and health psychology* (pp. 56–68). London, England: Sage.
- MCMC. (2015, July 14). MCMC Pantau Kandungan Media Sosial Yang Mengganggu-Gugat Hubungan Kaum Dan Ketenteraman Awam. <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/mcmc-pantau-kandungan-media-sosial-yang-mengganggu>
- Mohamad Khadafi Hj Rofie, Zainal Md Zan, Mohd Hilmi Hamzah, Kamarudin Ngah dan Shukri Ahmad. (2016). *Perlaksanaan Etika Kerja Islam: Persepsi Masyarakat Terhadap Kewartawanan Islam Media Arus Perdana Dan Alternatif*. Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Rizhan bin Leman. (2015). *Wasatiyyah Dari Lensa Sheikh Wahbah Al-Zuhaili*.
- Mohd Kamal Hassan. (2011). *Voice of Islamic Moderation From the Malay World*. Ipoh: EMIR.
- Mohd Zikri Shahbudin. (2017). *Isu The Star: Media Perlu Sensitif Paparkan Kandungan, Gambar*.
- Moktar, N. A., Abdul Halim, A. S., & Jasmi, K. A. (2019). Media sosial dan kaedah pengajaran menurut Islam” in Jasmi, K. A. (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 211-226.
- Muhamad Faisal Ashaari, Muhammad Zulkifli Abdul Ghani, Abdul Ghafar Don dan Zulkefli Aini. (2018). Wasatiyyah ialah Keseimbangan Dalam Beragama Bukan Kesederhanaan. Rahmah li al-Alamin : Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. Bab 6.
- Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhamad Dan Mohd Sani Ismail. (2019). *Media sosial sebagai medium*

dakwah masa kini. *International Social Science and Humanities Journal Vol. 2 (1)*.
Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017).
Cabaran
Dakwah Islam Di Alam Siber. *Journal of Social Science and Humanities. Special Articles*
(December, 2017).
Zulkiple, A. G. (2019). *Prospects of Da'wah Digital in Malaysia*. Nilai: USIM Publisher.